



HASHIM membuang air yang memasuki rumahnya selepas air banjir kilat mulai surut di Kampung Nelayan, Teluk Kumbar.



Untuk video layari
www.hmetro.com.my/mymetrotv

Bilik banjir

Rumah penduduk dimasuki air bah 0.3 meter

Mohd Hilmi Mahmud
am@hmetro.com.my

Balik Pulau

"Sebaik terjaga daripada tidur untuk menuaikan solat Subuh, saya terus bangun dan turun dari katil. Kaki saya berasa amat sejuk dan basah seperti terpijak air.

"Saya lihat sekeliling dan terkejut apabila mendapati air sudah memenuhi bilik, ruang tamu dan dapur rumah," kata Hashim Ahmad, 73, penduduk Kampung Nelayan, Teluk Kumbar, di sini, yang dilanda banjir kilat sedalam 0.3 meter, pagi semalam.

Hashim yang sudah menetap di kampung itu lebih 50 tahun berkata, hujan lebat bermula pada jam 12 tengah malam kelmarin dan berlarutan sehingga li-

ma jam.

"Sebelum tidur lagi sudah hujan tapi tidak begitu lebat. Saya tidak sangka air akan masuk ke dalam rumah sehingga berlaku banjir kilat. Nasib baik saya dan isteri, Salbiah Man, 72, sudah bersedia dengan segala kemungkinan termasuk mengalihkan barang berharga ke tempat tinggi.

"Sejak awal tahun ini, sudah empat kali air masuk ke dalam rumah kami dan barang sudah dialihkan ke tempat tinggi tinggi. Bagaimanapun, sofa kami tidak sempat dialihkan," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Ilah Othman, 70, berkata, dia tidak menyangka air akan masuk ke dalam rumahnya dan banjir kilat melanda kampung berkenaan kerana pada awalnya hujan tidak lebat.

"Pada awalnya, jam 12 tengah malam, hujan melanda tetapi tidak lebat dan saya tertidur. Saya terkejut selepas anak mengejutkan saya dan memberitahu air sudah masuk ke dalam rumah jam 3 pagi.

"Kami memindahkan barang berharga ke tempat tinggi dan nasib baik air mulai surut selepas beberapa jam kemudian," katanya.

Tinjauan di Kampung Nelayan Teluk Kumbar mendapati lebih 50 rumah penduduk dinaiki air setinggi 0.3 meter.

Bagaimanapun, penduduk yang terjejas tidak berpindah ke pusat pemindahan memandangkan air sudah surut jam 7 pagi semalam.

Penduduk dilihat sibuk membersihkan kawasan rumah masing-masing dengan proses itu mengambil masa lebih empat jam.